

## PATRIOTISME REMAJA PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

*“Tanggal 31, bulan lapan, 57, merdeka, merdeka, tetaplh merdeka, ia pasti menjadi sejarah ...”*

Apabila Hari Kebangsaan menjelang tiba, lagu *Tanggal 31 Ogos* nyanyian Allahyarham Sudirman Haji Arshad, pasti didendangkan di corong radio mahupun di kaca televisyen. Sebaik-baik sahaja mendengar lirik lagu tersebut, pasti akan ada yang turut sama menyanyikan lagu ini. Tarikh bersejarah negara menyambut kemerdekaan turut terakam dalam lirik lagu ini. Namun begitu, adakah lagu ini dapat membangkitkan semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda? Adakah lagu patriotik dapat memberikan sentuhan emosi dan ketahanan diri kepada generasi muda untuk meningkatkan nilai patriotisme dalam diri mereka?

**K**ita sering mendengar kalimat yang diungkapkan oleh pemimpin negara untuk menggambarkan tanggungjawab generasi muda terhadap pembangunan negara, antara kalimat yang sering diungkapkan termasuklah “pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara”. Frasa ini memberikan maksud yang begitu mendalam jika dihayati dan diamalkan oleh generasi muda pada masa ini. Definisi pemuda dan pemuda ini merujuk golongan muda, iaitu lelaki atau perempuan yang bertenaga dan dapat memberikan sumbangan terhadap negara dalam membina jati diri negara yang merdeka dan mempunyai tamadun bangsa yang tinggi.

Secara umumnya, generasi muda di negara ini merupakan individu yang boleh dikategorikan sebagai golongan penghujung generasi Y dan permulaan generasi Z. Generasi Y merupakan individu yang dilahirkan antara tahun 1980 hingga tahun 1995, manakala golongan generasi Z pula

ialah individu yang dilahirkan antara tahun 1995 hingga tahun 2012. Generasi Y dan generasi Z ini merupakan individu yang mahir dengan digital kerana mempunyai pengalaman menggunakan media sosial seperti Friendster, Myspace, Twitter, dan Instagram. Generasi Y dan generasi Z ini juga mempunyai cakupan sebaran maklumat yang lebih meluas kerana mempunyai pendedahan terhadap dunia digital dan alam maya dalam kebanyakan urusan hariannya. Mereka juga mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan keinginan untuk mengetahui sesuatu maklumat dengan lebih banyak.

Dalam mengejar kepesatan dunia digital dan teknologi, generasi Y dan generasi Z harus didedahkan dengan perasaan cinta akan negara dan menghargai perjuangan tokoh kemerdekaan negara. Generasi tersebut perlu mempunyai nilai patriotisme yang tinggi bagi menyeimbangkan pembangunan negara. Patriotisme merupakan perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air yang ada dalam diri setiap individu yang menjadi rakyat sesebuah negara. Perasaan ini merupakan satu ikatan spiritual yang boleh diukur melalui ruang lingkup kehidupan seperti amalan berbahasa, berbudaya dan warisan tradisi. Bahkan, perasaan ini juga lebih luas dan tiada infiniti, iaitu individu tersebut sanggup berkhidmat untuk negara dan cuba melindungi negara daripada ancaman musuh.

Oleh itu, kerajaan perlulah memikirkan pendekatan yang boleh diambil untuk menyemai dan menyemarakkan lagi patriotisme dalam jati diri remaja pada masa ini. Mereka harus mengikut peredaran zaman, iaitu menggunakan teknologi digital dalam urusan seharian mereka.

### **Langkah memupuk patriotisme dalam kalangan generasi muda**

#### **Meningkatkan kaedah pendigitalan pendidikan**

Pendigitalan pendidikan merupakan satu daripada alternatif yang dapat digunakan untuk menyemai patriotisme dalam kalangan generasi muda. Antara sumbangan yang dapat diberikan termasuklah menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan yang dimiliki oleh generasi muda dengan membina sistem ataupun perisian yang mengandungi elemen patriotisme seperti koleksi sejarah negara, kuiz sejarah, pengenalan tokoh dan permainan tokoh patriotik. Di samping itu, generasi muda juga dapat menyumbangkan pengetahuan berkaitan dengan sejarah dan cara hidup tokoh melalui pembangunan

sumber patriotik secara praktikal dan membuat penyebaran maklumat secara pendigitalan. Mereka juga boleh bertukar-tukar sumber yang dibangunkan dengan rakan daripada kumpulan lain. Sebagai contoh, mereka boleh merakam tokoh sejarah di kawasan tempat tinggal mereka, seperti Dol Said di Nanning, dan seterusnya merakam tempat bersejarah di sekitar Nanning yang menjadi tempat peristiwa penting bagi Dol Said. Secara tidak langsung, mereka dapat melakukan tugas secara bersama-sama dan seiring dengan peredaran zaman. Hal ini dapat menyuntik semangat cinta akan tokoh dan tanah air, serta menjadikan tokoh tersebut sebagai suri teladan mereka.

#### **Menghasilkan lagu patriotik**


Generasi muda kini gemar meluangkan masa mendengar muzik atau lagu melalui media sosial seperti YouTube ataupun TikTok. Oleh itu, peluang untuk mereka mendengar lagu patriotik yang banyak digubah dalam YouTube ataupun dalam TikTok merupakan satu daripada wahana yang dapat menghubungkan aspirasi negara melalui penggubahan lagu dan penulisan lirik yang dapat menyentuh jiwa generasi muda. Dalam hal ini, penggubah lagu disarankan untuk mencipta melodi yang mempunyai tempo yang patriotik dan penulis lirik pula menulis lirik dengan pemilihan diksi yang dapat merangsang patriotisme dalam jiwa generasi muda. Penyesuaian ciptaan lagu patriotik perlulah mengikut peredaran zaman kerana generasi muda

**Antara sumbangan yang dapat diberikan termasuklah menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan yang dimiliki oleh generasi muda dengan membina sistem ataupun perisian, yang mengandungi elemen patriotisme seperti koleksi sejarah negara, kuiz sejarah, pengenalan tokoh dan permainan tokoh patriotik.**

kini mempunyai pemikiran yang berbeza daripada generasi terdahulu. Generasi muda kini dilahirkan pada zaman negara sudah lama menikmati kemerdekaan. Maka itu, penghasilan lagu patriotik perlulah bersesuaian dengan jiwa mereka. Lagu merupakan alat yang sangat signifikan untuk meningkatkan nilai patriotisme dan nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, lagu *Negaraku* dapat melahirkan perasaan kasih dan sayang serta taat setia terhadap negara. Lagu patriotik ini juga dapat menyuntik semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Amanat yang disampaikan dalam lirik lagu patriotik dapat meresap ke dalam jiwa dan sanubari setiap individu. Di samping itu, keindahan lirik dan melodi lagu yang bersesuaian akan menyebabkan khalayak ingin berkongsi pengalaman dan perasaan indah yang terdapat dalam lirik lagu tersebut kepada orang lain.

### Mengadakan lawatan maya

Alternatif mengadakan lawatan maya merupakan satu daripada cabang ilmu yang menggunakan teknologi baharu untuk membantu menyemai patriotisme dalam kalangan murid. Lawatan maya dihasilkan daripada teknologi realiti maya yang terdiri daripada penghasilan komputer yang mewujudkan suasana persekitaran realiti. Lawatan maya ini membolehkan pengguna merasakan kehadiran dunia sebenar, dan berinteraksi secara maya untuk menggantikan dunia fizikal yang realiti. Sejak negara dilanda COVID-19, pembelajaran secara maya telah menjadi satu alternatif untuk memberikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid. Bahkan pembelajaran ini sangat popular dan sesuai dengan generasi muda yang sangat sinonim dengan penggunaan teknologi. Melalui lawatan maya, generasi muda dapat bercerita tentang peristiwa yang berlaku di tempat bersejarah, di dalam negara. Paparan gambar dan video yang tersusun mengikut naratif sejarah Malaysia dapat memudahkan murid memahami perjalanan kisah sejarah tersebut. Melalui lawatan maya, peristiwa tersebut dapat dihidupkan dengan gambar dan dialog penceritaan yang tersusun. Pembelajaran murid juga akan menjadi semakin bermakna kerana paparan lawatan maya yang berbentuk audio, video dan teks lebih merangsang deria murid sewaktu menontonnya. Oleh itu, impaknya sangat besar dalam membantu menyemai patriotisme dalam kalangan generasi muda.



**Mat Kilau**

### Menayangkan filem tokoh pejuang kemerdekaan

Tidak dinafikan bahawa Malaysia turut melahirkan banyak tokoh yang hebat untuk mendapat kemerdekaan tanah air. Perjuangan ini bermula daripada tokoh lama yang telah melalui banyak liku dan pengorbanan sewaktu menentang penjajah, antaranya termasuklah Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman dan Dol Said. Selain itu, nama tokoh seperti Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, yang merupakan bapa kemerdekaan Malaysia, merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam sejarah kemerdekaan negara. Kisah perjuangan beliau menentang penjajah dan kemerdekaan tanah air akan membuatkan generasi muda memahami pengorbanan generasi terdahulu sewaktu mempertahankan kedaulatan negara. Penceritaan tokoh sejarah melalui filem juga dapat membentuk nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda, antaranya termasuklah nilai kasih sayang, keberanian, taat setia, berusaha dan bekerjasama. Perkara ini dapat dilihat melalui filem *Mat Kilau* yang telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada penonton tanpa mengira lapisan umur. Bahkan generasi muda juga turut berduyunduyun ke panggung wayang untuk menonton filem tersebut. Cerita sebegini sudah pasti memberikan inspirasi dan suntikan patriotisme terhadap generasi muda untuk menghargai pengorbanan tokoh terdahulu dalam mempertahankan tanah air.

### Meningkatkan kepekaan terhadap identiti negara

Malaysia mempunyai beberapa tanda pengenalan yang boleh dijadikan sebagai identiti negara. Identiti negara seharusnya dikenali secara tersurat dan tersirat bagi mencapai maksud yang terkandung

melalui tanda pengenalan tersebut. Contoh tanda pengenalan yang melambangkan identiti Malaysia termasuklah *Jalur Gemilang*, bendera negeri, lagu kebangsaan, bunga kebangsaan, bahasa kebangsaan dan Rukun Negara. Kesemua perkara ini dapat dijadikan sebagai ilmu yang boleh diterapkan secara tidak langsung dalam kehidupan seharian masyarakat. Generasi muda dapat menyimpan dan menyusun maklumat tersebut dalam buku mahupun telefon pintar. Kepekaan generasi muda terhadap pengetahuan asas kenegaraan seperti *Jalur Gemilang*, bendera negeri, Rukun Negara dan lagu *Negaraku* perlu dititikberatkan bagi memastikan rakyat hidup bersatu padu dan saling menghormati. Sebagai contoh, apabila lagu *Negaraku* berkumandang, mereka harus berdiri tegak sebagai tanda hormat dan kasih terhadap negara.

### Melibatkan diri dalam aktiviti patriotisme

Hari Kebangsaan merupakan antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada setiap tahun. Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat diperlukan untuk memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan negara. Masyarakat boleh mengambil bahagian melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti ataupun pada peringkat organisasi. Kebanyakan sekolah ataupun organisasi akan mengadakan pertandingan melukis poster, kuiz merdeka, buku skrap, pidato kemerdekaan, forum kemerdekaan dan cerita pendek kemerdekaan. Malah, ada juga sekolah ataupun organisasi yang mengadakan perarakan Hari Kebangsaan di sekolah, di daerah dan di negeri masing-masing. Walaupun semuanya bersifat secara fizikal, namun maksud yang tersirat perlu diterapkan dalam sanubari mereka, iaitu perasaan kasih dan sayang serta menghargai peristiwa penting kemerdekaan negara. Negara kita perlu disayangi dan dipelihara keharmonian agar cengkaman penjajah pada masa lalu tidak akan berulang lagi. Perlu juga ditegaskan bahawa pada masa ini, ancaman keharmonian bukan lagi bersifat fizikal, namun boleh berlaku melalui penjajahan minda. Generasi muda perlu cakna bahawa pemikiran untuk sayang akan negara harus dipupuk agar minda mereka tidak dijajah dengan unsur sekularisme dan hedonisme dari luar.

Kesimpulannya, penekanan terhadap patriotisme perlu diberikan dengan sewajarnya kepada generasi muda kerana mereka merupakan generasi pewaris

negara. Masa hadapan negara juga bergantung pada tangan mereka. Jika tiada nilai patriotisme dalam diri, maka tergadailah negara pada suatu hari nanti. Jika penuh nilai patriotisme dalam diri, maka beruntunglah negara untuk selama-lamanya. Generasi muda yang mempunyai keunggulan diri dan keperibadian yang utuh akan menjadi faktor penting dalam membantu perjuangan menegakkan visi dan misi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama menanamkan iltizam untuk sayang akan negara, memberikan perlindungan kepada negara dengan menjadi insan yang berpengetahuan, mengetahui akan sejarah silam negara dan menjadi insan yang mempunyai perikemanusiaan yang tinggi sewaktu berbicara dan bertindak. 🌐

### Langkah memupuk patriotisme dalam kalangan generasi muda

1

Meningkatkan kaedah pendigitalan pendidikan

Menghasilkan lagu patriotik

2

3

Mengadakan lawatan maya

Menayangkan filem tokoh pejuang kemerdekaan

4

5

Meningkatkan kepekaan terhadap identiti negara

6

Melibatkan diri dalam aktiviti patriotisme